

Demokrasi pemilikan harta matlamat kita

# Rumah bukan syaratnya: PM

BH 23 JAN 1988

Oleh HANIFF HADI

**JOHOR BAHRU, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata demokrasi pemilikan harta tidak bermakna setiap rakyat di negara ini mesti memiliki rumah.**

Perdana Menteri berkata bukan menjadi dasar kerajaan untuk melihat setiap rakyat memiliki rumah.

"Kita ingin wujudkan demokrasi pemilikan harta dan bukan demokrasi pemilikan rumah, walaupun harta yang dimiliki rakyat ialah sebarang cincin atau wang simpanan dalam bantal," katanya di majlis penyampaian hadiah pertandingan seni bina dan pembangunan rumah kos rendah Johor di sini hari ini.

Beliau berkata, rakyat harus menerima hakikat bahawa adalah tidak wajar bagi kerajaan menyediakan rumah untuk setiap rakyat.

Jika rakyat tidak memiliki rumah, ia tidak bermakna mereka akan bertaburan kerana mereka boleh menyewa atau tinggal bersama ibu bapa, katanya.

Menurutnya, dasar satu rumah untuk setiap rakyat tidak boleh dicapai dan hakikat ini perlu diterima oleh semua orang.

"Ada orang mahu kerajaan mengamalkan demokrasi pemilikan rumah. Ini tidak wajar kerana ia berbeza dengan demokrasi pemilikan harta.

"Kita mesti mengakui bahawa ada rakyat tidak akan memiliki rumah sehingga akhir hayatnya. Jika kita terima hakikat ini, ia tidak menjadi masalah yang sukar diatasi," katanya.

Kefahaman seperti itu akan menjadikan dasar yang dijalankan oleh kerajaan lebih praktikal dan mudah, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demokrasi pemilikan harta diwujudkan supaya semua rakyat berpeluang memiliki harta.

"Kerajaan tidak mahu membolot kekayaan seperti di negara sosialis atau komunis. Setiap rakyat yang sanggup berusaha akan dapat harta yang banyak," katanya.

Menurutnya, rakyat juga perlu mempunyai simpanan untuk membeli rumah dan tidak berbuat demikian melalui pinjaman sahaja.

Pembelian rumah menerusi pinjaman semata-mata akan membebankan mereka walaupun harga rumah itu rendah, katanya.

Perdana Menteri juga berkata, rakyat harus menyesuaikan diri dengan keadaan zaman dan sanggup tinggal di rumah yang dibentuk dengan keadaan sekeliling.

"Orang kampung yang tinggal di bandar harus menerima hakikat mereka perlu tinggal di rumah yang lain daripada suasana kampung. Mereka tidak boleh menginginkan kawasan perumahan bercorak kampung di bandar kerana ia tidak sesuai dan ekonomik," katanya.

Katanya, jika rakyat tidak sanggup menerima perubahan, mereka akan menghadapi masalah sepanjang masa.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan akan berusaha membekalkan rumah kepada rakyat tetapi rakyat harus bersikap realistik dan menerima hakikat bahawa tidak semua orang boleh memiliki rumah.